



**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Mengenai:**

**Pengurusan Marina Awam  
(Jabatan Laut Malaysia / Suruhanjaya Pelabuhan  
Pulau Pinang) di bawah  
Kementerian Pengangkutan**

- **Kementerian Hal Ehwal Ekonomi :**
  - Yang Berbahagia Dato' Saiful bin Lebai Hussien, Ketua Setiausaha.
- **Kementerian Kerja Raya :**
  - Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha.
  - Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Roslan bin Md Taha, Ketua Pengarah.

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA**

---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 27 NOVEMBER 2018**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tuan Wong Chen [Subang]  
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]  
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]  
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]  
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]  
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]  
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]  
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Mazidah binti Mohamed [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA****Jabatan Audit Negara**

Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah (Sektor Audit Prestasi)]

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Bahagian Susulan Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]

Puan Maszura binti Hassan [Penolong Pengarah (Sektor Audit Prestasi)]

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Suhara binti Abdul Rahman [Peguam Kanan Persekutuan]

Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Parlimen & Kabinet)]

Encik Muhammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Cik Qamarul Munirah binti Mohammed Yunus [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)**

Puan Salwa binti Muharam [Bahagian Pemeriksa Perundangan]

Encik Mohd Faidizal bin Abu [Tenaga Pakar]

**SAKSI****Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien [Ketua Setiausaha]

Encik Azhar bin Noraini [Pengarah (Seksyen Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Encik Ahmad Salwadi bin Salleh [Ketua Penolong Pengarah Pelabuhan dan Penerbangan Awam (Seksyen Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

*samb/-*

**SAKSI** (*samb/-*)**Kementerian Kerja Raya**

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)]  
Puan Suzliyana Hanan binti Zanudin [Pengarah (Unit Integriti)]  
Encik Zaharuddin bin Zainal Abidin [Ketua Audit Dalam (Unit Audit Dalam)]  
Puan Nagarani a/p Perumal [Timbalan Pengarah (Cawangan Pematuhan)]

**Jabatan Kerja Raya**

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman [Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)]  
Ir. Haji Mohamed Amin bin Kasim [Pengarah (Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan)]  
Puan Ir. Dr. Hannerita binti Mohamad Zainal [Jurutera Elektrik Penguasa Kanan (Bahagian Integriti) (Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat)]  
Ir. Waznah binti Abdul Aziz [Jurutera Awam Penguasa Kanan (Bahagian Maritim) Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan]  
Puan Norliza binti Kamaludin [Jurutera Awam (Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan)]  
Encik Ahmad Tarmizi bin Othman [Jurutera Awam (Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)]  
Puan Nur Azia binti Muhammad [Jurutera Awam (Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA

Selasa, 27 November 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,  
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

*[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya melihat kuorum untuk mesyuarat ini cukup, cukup bilang dan saya mulakan mesyuarat. Selamat petang dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha PAC yang juga merupakan Setiausaha Dewan Rakyat; pegawai-pegawai *ex officio* PAC yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi. Selamat datang juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC, Ahli Parlimen Ipoh Timur.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan sekalian, hari ini kita menyambung prosiding Pengurusan Marina Awam yang sebelum ini diadakan pada 13 November 2018. Dalam prosiding pada 13 November 2018, PAC sudah mendengar keterangan daripada Datuk Seri Saripuddin bin Kassim, KSU Kementerian Pengangkutan. Bagaimanapun dalam prosiding berkenaan ada beberapa soalan yang tidak dapat dijawab KSU Kementerian Pengangkutan kerana tidak terletak dalam bidang kuasa serta tanggungjawab beliau. Berikutan itu PAC berpendapat supaya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang bertanggungjawab pada Unit Perancang Ekonomi serta Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab kepada Jabatan Kerja Raya dipanggil sebagai saksi dalam prosiding Pengurusan Marina Awam ini untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut kepada Jawatankuasa ini.

Hadir di hadapan PAC pada petang ini bagi memberikan keterangan dan penjelasan adalah Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen, KSU Kementerian Hal Ehwal Ekonomi merangkap Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU); Dato' Abdul Razak bin Jaafar, Timbalan KSU Dasar dan Pembangunan Kementerian Kerja Raya serta wakil kepada KSU KKR; dan Dato' Dr. Meor Abdul Aziz bin Osman, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya Sektor Infra selaku wakil Ketua Pengarah JKR.

Dalam prosiding pada 13 November yang lalu KSU Kementerian Pengangkutan memaklumkan kepada Jawatankuasa ini bahawa EPU bertanggungjawab terhadap pemilihan

11 lokasi marina awam yang dibina dengan kos berjumlah RM323.6 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan. Selain itu MOT juga memaklumkan bahawa kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) tidak dilaksanakan JKR sehingga ada marina awam yang dibina langsung tidak beroperasi sehingga mengakibatkan pembaziran wang rakyat.

Sehubungan dengan itu, tanpa membuang masa dan saya teruskan prosiding ini dengan menjemput Dato' KSU Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk memulakan pembentangan dan selepas itu wakil daripada KKR serta JKR untuk memberi penjelasan dan penerangan. Ya, dipersilakan Dato'.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien [Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi]:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC); Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat; Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa dan semua pegawai-pegawai yang hadir, *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada pihak Jawatankuasa kerana turut memberi peluang kepada MEA untuk memberi penjelasan tentang teguran audit ke atas projek marina awam. Dalam hal ini saya ingin membuat pembentangan mengikut skop pembentangan seperti berikut.

Sedikit latar belakang walaupun sudah ada diterangkan sebelum ini tetapi saya hendak *recap* sikit ada beberapa dan juga maklumat tentang marina awam itu sendiri dan fungsi Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam membuat pemilihan dan kelulusan projek pembangunan. Teguran audit yang berkaitan dengan fungsi Unit Perancang Ekonomi dan maklum balas serta hala tuju pengurusan marina awam seterusnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Jawatankuasa, berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri pada November 2000 untuk melaksanakan satu promosi bagi menggalakkan industri kapal rekreasi (*yacht*) di Malaysia melalui satu pembangunan infrastruktur asas iaitu jeti-jeti marina. *Based* pada permohonan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan tersebut, EPU telah— berdasarkan kepada bajet pembangunan yang dipohon dan juga pemeriksaan bajet yang dilakukan untuk setiap permohonan, kelulusan telah diberi untuk membina 11 buah marina awam di seluruh Malaysialah.

Ini adalah 11 marina awam tersebut dengan *total cost* RM323 jutalah operasi dan status-status pun seperti mana dimaklumkan sebelum ini seperti yang ditunjukkan dalam slaid. Seterusnya saya hendak maklumkan juga tentang pengagihan sumber iaitu bagaimana pengurusan bajet pembangunan dibuat di EPU ketika itulah. Dahulunya masa Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan, permohonan program projek-projek pembangunan ini adalah terus berdasarkan kepada permohonan untuk lima tahun. Dia tidak *rolling plan* macam sekarang ini di mana kementerian boleh memohon setiap tahun, dulu lima tahun. Jadi pemeriksaan bajet itu dibuat sekali sahaja dan projek-projek pembangunan yang dimohon

oleh Kementerian ini memang tertaklukkan kepada siling peruntukan yang telah diluluskan semasa pemeriksaan bajet tersebut. Akan tetapi bermula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh seperti saya katakan tadi kerana kadang-kadang bila kita kata mungkin masuk tahun kedua, ketiga keperluan itu telah berbeza, jadi Kementerian boleh memohon program ataupun projek baharu pada tiap-tiap tahun. Jadi kita buat pelaksanaan program projek pembangunan secara *rolling plan*.

■1440

Peruntukan program pembangunan ini pada Rancangan Malaysia Kesepuluh, dia buat permohonan setiap dua tahun. Dua tahun, dua tahun dan yang *last* sekali setahunlah. Akan tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas kita sudah tukar juga lagi sebab ada keperluan, so Kementerian boleh memohon setiap tahun.

Juga melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh juga, kita mula memperkenalkan Makmal Pengurusan Nilai bagi projek bernilai RM50 juta ke atas. Maknanya selepas diluluskan, pengurusan nilai perlu dibuat untuk menentukan keperluan sebenar, skop dan kos projek tersebut. Selain daripada pengurusan nilai, kita juga buat pengurusan Kejuruteraan Nilai (*Value Engineering*) untuk melihat perkara-perkara teknikal. Jadi maknanya, perkara-perkara ini tidak berlaku dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya terus kepada satu teguran audit mengenai fungsi UPE iaitu kelulusan dan pemilihan lokasi marina. Di sini teguran audit kalau mengatakan bahawa asas pemilihan lokasi marina di Pulau Mentagor, Perak itu tidak disokong oleh kajian kemungkinan. Dalam tahun 1992, ada satu Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan yang dikeluarkan. Ini untuk semua Kementerian bila hendak memohon projek pembangunan, mesti berpandukan kepada garis panduan tersebut.

Garis panduan tersebut mengatakan bahawa kajian kemungkinan hendaklah dilaksanakan untuk mempertimbangkan sama ada satu-satu projek itu berdaya maju. Akan tetapi teknik-teknik yang boleh digunakan dalam kajian kemungkinan ini ada pelbagai. Ada analisis pasaran permintaan, ada penilaian kesan terhadap alam sekitar iaitu EIA, analisis teknikal, analisis kewangan, analisis ekonomi dan juga analisis sosiopolitik ataupun *social impact assessment*.

Pada masa itu, cadangan lokasi sebenarnya telah diberi oleh Jabatan Laut Malaysia ialah di Lumut, Perak. Akan tetapi ada satu syarikat iaitu YTL telah mengemukakan cadangan pembinaan marina awam di Pulau Mentagor, Perak. Apabila UPE—macam saya kata tadi, kita akan membuat penilaian, kita juga mendapati bahawa lokasi Pulau Mentagor itu lebih sesuai dan strategik kerana sebab-sebab yang dinyatakan. Sebab-sebab ini juga kita telah angkat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu, mengapa kita menukar lokasi daripada Lumut ke Pulau Mentagor, Perak. Cadangan untuk pembinaan marina dan

infrastruktur di Pulau Mentagor ini juga telah disokong oleh Kerajaan Negeri Perak. So, kita ada lampiran yang berkenaan yang menunjukkan kelulusan tersebut. *Actually*, kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu pada 3 Mac 2003.

Seterusnya, *project details* adalah seperti berikut. Ia dilaksanakan secara *design and build*, melalui rundingan terus. Ada surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 3 April 2003 iaitu sebulan selepas kelulusan Perdana Menteri. Akan tetapi dalam daripada itu, EPU juga sebenarnya telah menetapkan skop mesti mempunyai kajian-kajian yang berkaitan apabila kita hendak membina pelabuhan atau jeti. Contohnya macam *Bathymetric And Land Survey, Hydrodynamic Investigation, EIA and Site Investigation* yang harus dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Skop ini dinyatakan dengan jelas dalam Surat Niat oleh Kementerian Pengangkutan kepada kontraktor bertarikh 21 April 2003. Macam saya kata tadi, sokongan Kerajaan Negeri Perak adalah melalui surat kerajaan negeri kepada EPU pada tahun sebelumnya iaitu 4 September 2002, serta hasrat supaya pembinaan jeti marina ini bukan bersifat keuntungan tetapi untuk kegunaan awam sebenarnya. So, memang menepati objektif kegunaan marina awam.

*To moving forward*, EPU MEA sebenarnya bersetuju dengan cadangan MOT supaya pada masa tersebut diswastakan secara jangka panjang kerana dalam slaid yang awal itu kita kata ada masalah-masalah yang mana jeti ini tidak dapat di-*sustain* dia punya itu dan juga di-*maintain* dengan baik. Juga kita tidak bersetuju dengan cadangan *outright sale* secara tender terbuka. Kita juga berpandangan bahawa kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak terutamanya kerajaan negeri, PBT dan *stakeholders* yang lain termasuk kita kata macam Tourism Malaysia sendiri sepatutnya seperti mana promosi-promosi macam *homestay*, sepatutnya marina awam ini juga kena ada. Dia tidak boleh kata bergantung pada JLM sahaja untuk mempromosikan penggunaan jeti marina awam juga. Jadi kalau tidak ada promosi, maknanya penggunaan itu sangat rendah atau mungkin kita dapati yang sesetengah jeti itu tidak ada penggunaan langsung. Jadi, ini faktor penting dalam memastikan sesuatu projek marina awam itu berdaya maju.

Sebenarnya kita juga ingin memaklumkan bahawa selepas Rancangan Malaysia Kesembilan tersebut, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas, kita tidak lagi bersetujulah dalam pembinaan marina awam ini. Oleh sebab kita kata marina awam ini— macam saya kata tadi, perlu promosi yang meluas sebenarnya kalau kita hendak menggalakkan penggunaannya. Ini sebab kita tahu selain daripada jeti awam, banyak lagi jeti-jeti *private*, individu, yang kita tengok kalau kita di Langkawi, pun ada. Persaingan itu saya rasa kena tengok. Jadi, perancangan itu yang pentinglah kita kata. Akan tetapi *as mentioned earlier*, bila ada keputusan Jemaah Menteri supaya kita menggalakkan dan mempromosi jeti marina awam ini, *that is why* kita luluskan pada masa tersebut. Akan tetapi, kita tengok aspek promosi itu adalah kurang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi pemilihan tapak dan keutamaan *spec* pembinaan dan sebagainya merupakan antara isu yang ditegur oleh *Auditor General*, Jabatan Audit Negara. Akan tetapi memang ketara dan jelas bahawa sebahagian besar daripada marina awam yang dibina ini tidak beroperasi kerana ketidaksesuaian dari segi kecekapan, masalah mendapan, tidak cukup dalam untuk dijadikan sebagai marina awam dan kemudian tiada kelengkapan. Jika kita ingin menarik minat dan hal-hal kegunaan untuk digunakan sepenuhnya oleh pihak pelayar, *luxury boat*, *yacht* daripada negara luar, ia perlu ada kemudahan imigresen dan sebagainya. Maksudnya secara umum tidak menampakkan perancangan yang terperinci dalam pembinaan marina-marina awam ini. Sekadar dibuat kerana adanya kehendak daripada Perdana Menteri ataupun Kabinet pada ketika itu. *Is that the situation?*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ya. Saya setuju Tuan Pengerusi, sebab perkara tersebut kalau kita lihat, sampai sekarang pun masih berlaku. *That is why* kita kata mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh kita memperkenalkan VM (*Value Management*) dan VE (*Value Engineering*) sebab kita hendak menentukan betul-betul projek itu perlu atau tidak. Itu satu. Keduanya, kalau perlu, skop itu bukan mengikut kehendak kementerian sahaja. Dia hendak misalnya hospital sebesar 256 katil, tetapi kita hendak menepati keperluan di kawasan tersebut. Akan tetapi macam saya kata tadi, masa Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, VM dan VE tidak ada. Jadi, kita hanya bergantung kepada pemeriksaan bajet tersebut. Jadi semasa pemeriksaan bajet tersebut, kalau maklumat-maklumat yang diberikan oleh kementerian tidak mencukupi, mungkin masa itu keputusan itu agak terbatas dia punya kesahihan pemilihan tersebut.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Saya ada soalan.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ya.

**Tuan Wong Chen:** Dato' KSU, saya lihat dalam lampiran yang bersama dengan dokumen yang diberi ini, Lampiran 1 ialah tentang Unit Perancang Ekonomi, memo mengenai isu Pulau Mentagor ini.

#### ■1450

Kontrak diberi kepada syarikat YTL untuk RM25 juta untuk membuat jeti ataupun membuat marina. Soalan pertama saya ialah Pulau Mentagor sekarang ini ada penghuni atau tidak? Ada apa-apa *development* di sana atau tidak? Oleh sebab pada masa kontrak diberi, nampaknya memang tak ada orang duduk di situ. Kedua, Pulau Mentagor ini kepunyaan siapa? Apa yang kita tahu, YTL adalah tuan punya kepada Pangkor Laut. Adakah Pulau Mentagor ini kepunyaan YTL? Jadi, nampaknya jelas bahawa terdapat *potential conflict of interests*, di mana kontraktor sendiri mungkin mempunyai kepentingan sendiri kalau dia adalah tuan punya Pulau Mentagor.

Oleh sebab tak ada penghuni duduk di situ, tidak ada orang pun, buat apa *you* buat jeti dekat situ atau buat marina awam? Jadi, kalau boleh itu beri penjelasanlah sebab kontrak

ini habis siap pada tahun 2007, RM25 juta. Status kini tidak beroperasi langsung. Terima kasih.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang pada masa itu di kawasan YTL itu di Pangkor Laut pada masa itu tidak ada penduduklah, cuma yang di sebelah sana. Cuma pada masa itu— cadangan YTL pada ketika itu untuk membina satu *resort* yang bersepadu di situ. Jadi, *that's why* apabila kelulusan permohonan JLM dulu itu kita kata di Lumut tetapi apabila dia mohon situ untuk membina *resort* bersepadu situ yang memerlukan jeti, Kerajaan Perak pun menyokong. Kita pun bila melihat kepada— EPU pada masa itu, bila melihat lokasi pulau tersebut, ia memang lebih sesuai dan strategiklah. Oleh kerana tapak cadangan itu terletak yang sebelah laluan Selat Melaka, apa semua itu. Mengambil kira juga bahawa apabila *resort* itu siap nanti, jeti itu akan menjadi *facility* yang diperlukanlah kita kata, jadi bukan di sebelah sana.

**Tuan Wong Chen:** Akan tetapi di *resort* itu pada hari ini tidak adalah?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** Betul?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Betul.

**Tuan Wong Chen:** Jadi maknanya, soalan saya ialah pulau itu kepunyaan siapa atau sudah *leased* kepada YTL kah? Ada *information* atau tidak? Oleh sebab bagi saya, proses untuk memilih pulau ini dan bukannya Lumut, *I mean there is an issue, right?* Kalau Lumut itu, setiap orang boleh pakai tetapi kalau untuk *resort* ini sahaja, maknanya duit rakyat RM25 juta ini telah habislah, hangus. Pada akhirnya, tidak ada *resort* pun. Jadi, tidak ada kerja-kerja baharu, pekerja baharu, tidak ada *hotel management*, tidak ada *benefit to the government*, tidak ada *income tax* bayar pun, tak ada.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ya, maklumat tentang siapa punya pulau itu, saya tidak ada. Akan tetapi saya rasa seingat saya bahawa YTL hanya yang bahagian yang hendak buat Pangkor Laut itu sahajalah. Akan tetapi macam saya kata tadi, apabila ada cadangan untuk berubah dari Lumut ke sana dan di *support* oleh Kerajaan Negeri Perak apabila untuk membantu *resort* laut itu dan kita pun telah mengambil kira faktor-faktor lain. Seperti kita kata, tempat itu terlindung daripada arus dan kita telah pun bersetuju pada masa tersebut. Cumanya saya kata tadi pembangunan Pangkor Laut itu sendiri tidak berlakulah selepas tersebut. Jadi, kita tengok di situlah tak adalah orang hendak pergi guna selepas itulah.

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Ya, terima kasih Dato'. Saya baru *Google Maps* mana Pulau Mentagor ini iaitu jauh daripada Pangkor Laut. *Relatively*-lah, ia bukan sebelah. Maknanya, Pangkor Laut itu ada jeti sendirilah. Jadi, nampaknya jelas bahawa program ini untuk buat marina awam ialah untuk menolong hotel yang baru akan dibina di sana. Akan tetapi hakikatnya hotel itu tak terbina. Jadi, soalnya ialah kita sudah habis RM25 juta.

Adakah ia betul-betul ada *function* dulu? Oleh sebab biasanya orang buat marina ini sekurang-kurangnya orang kampunglah duduk situ. Akan tetapi penghuni kosong. Ini *desert island*, ini bukan— *there is nobody staying there*. Jadi, yalah *what to do? It is already done. Perhaps you can tell us what is the next step, what do we do* dengan ini.

Isu yang saya hendak timbulkan satu lagi. Walaupun kos pembinaan telah dilakukan dan di sini RM323 juta telah dihabiskan dalam 11 marina *infrastructures* ini, adakah di dalam bajet kita untuk *maintenance also? Was EPU ever asked to set aside money for yearly maintenance*, operasi pengendalian? Terima kasih.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Terima kasih Yang Berhormat *on the concern*. Seperti kita maklumkan tadi, sekarang ada jeti-jeti tertentu yang sekarang ini pun tidak beroperasi, termasuk Pulau Mentagor inilah. Jadi, seperti mana syor yang sebelum ini kata untuk swasta, jadi kita— ataupun sebelum ini ada juga yang tidak berdaya maju diserahkan kepada APMM. Jadi, kementerian yang berkenaan kena lihatlah selanjutnya terhadap beberapa lagi jeti yang tidak beroperasi tersebut.

Keduanya, kos *maintenance* pun kita ambil maklum bahawa kita dimaklumkan bahawa JLM menghadapi masalah jugalah dalam *maintaining* jeti-jeti ini. Akan tetapi *maintenance* ini di bawah perbelanjaan menguruslah, bukan EPU. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Dato'...

**Tuan Wong Chen [Subang]:** Cuma soalan terakhir saya— *sorry*. Sebelum kita memulakan program— yalah ini tahun 2002 lagi. Betul tak? Tidakkah kita ada satu data, berapa orang yang betul-betul ada *yacht* ini, ada kapal layar ini. *You know, it seems crazy that we don't have a lot of people* yang pakai *yacht* ataupun kapal layar tetapi kita program untuk buat marina dalam 11 kawasan. *Was there ever an economic study? Cost benefit study* sebab kapal layar ini orang kaya sahaja boleh ambil. *We must understand that, it is a prestige project that has no purpose* ataupun *no basic fundamental economic rationale behind it. What is your opinion as EPU?*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Yang Berhormat, saya sangat setuju. Oleh sebab sampai sekarang ini pun— *that's why* kita kata dalam pemeriksaan bajet di EPU, *we go very detail*. Kita akan tanya kementerian-kementerian. Kalau hendak buat sekolah pun ada *certain criteria*, hendak buat hospital pun ada *certain criteria*. *On top of that*, sekarang ini kita ada *value management* dan *value technical* yang kita mendapati asas kelemahan-kelemahan yang dulu kita sudah *very detail review*-nya. Itu sebab saya rasa, saya sendiri berpandangan bahawa apa— macam yang kita kata tadi, dulu macam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan tidak ada VM apa semua. Mungkin sebab itu lah perancangan— bukan kata tidak mengikut ini tetapi maklumat-maklumat yang macam Yang Berhormat kata tadilah, *cost benefit study and etc* tidak ada. So macam itulah kita.

**Tuan Pengerusi:** Dato', ada tak EPU bagi *feedback* kepada kerajaan ketika itu bahawa *this project is not viable* ataupun kajian mendalam terperinci perlu dilaksanakan sebelum ianya dilaksanakan? *Do you ever come back or go back, went back to the Prime Minister or the Cabinet or the Cabinet ever asked you on the feasibility of that project?*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** *Usually* Tuan Pengerusi, tidak ada. Kabinet kalau macam sampai sekarang kan, kalau projek-projek pun hendak tanya *viability*, tidak ada. Cuma kita buat sebelum projek itu diluluskan sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jika ada satu dasar kerajaan, kehendak kerajaan, *then you implement it without studying ya?*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Dasar itu macam kata dasar yang dulu hendak buat marina awam, kalau dulu hendak buat, sekarang ini kementerian boleh *propose*-lah. Akan tetapi sekarang ini *very detail*-lah sekarang ini. Kita memang...

**Tuan Pengerusi:** Okey, apa pendekatan-pendekatan baru jika ada satu dasar kerajaan, pendekatan baru sekarang EPU untuk merujuk kembali kepada kerajaan tentang kebolehlaksanaan satu-satu dasar? Apa pendekatan baru selepas masalah ini?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Sekarang ini ada, contohnya jika kementerian hendak mengubah skop, ia mesti datang balik kepada EPU. Itu sudah memang dinyatakan di dalam responden yang terkini. *Even* hendak ubah lokasi kena datang balik pada EPU. Kalau—semuanya kementerian, agensi kena memohon notis perubahanlah dalam setiap kali ada perubahan.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini tidak ada?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini tidak ada?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey *I'm curious about* bagaimana satu cadangan daripada pihak swasta YTL sehingga menyebabkan perubahan yang drastik daripada satu lokasi kepada satu lokasi.

#### ■1500

*Is there any* kertas cadangan yang telah dikemukakan oleh YTL dan ada tidak syarat-syarat *that binds them*, katakan marina awam mesti dibuat jika pulau itu dibangunkan dengan chalet dan hotel. *Is there any agreement between that binds YTL on the matters?*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** *We are not aware* sama ada *proposal* YTL. Setakat ini tiada.

**Tuan Pengerusi:** *It's—* peliklah rasanya kerajaan hendak buat ini. *Suddenly*, ada pihak swasta *or I want you to do here. Then, you all suddenly (agreed). There's must some kind of proposal from YTL.*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Cuma, biasanya Tuan Pengerusi berdasarkan pengalaman saya memang ada. *Even* dahulu YTL *proposal* hendak buat *high speed rail between Kuala Lumpur–Singapore* ada *proposal* dibentangkan. Akan tetapi, *in our record we don't have a copy-lah, I think.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Dato' Saiful. Perkara berkaitan yang dibangkitkan oleh Tuan Pengerusi saya. Sekiranya kita memerhatikan Lampiran 1. Perenggan satu menyatakan bahawa merujuk kepada surat-surat syarikat YTL masing-masing bertarikh 16 Ogos dan 30 November 2002. So, itu ada satu permohonan untuk melaksanakan projek dan saya tidak nampak kedua-dua surat ada di sini. Mungkin *proposal* ataupun cadangan yang lebih terperinci daripada YTL, *I think it must be there.* Saya setuju dengan apa yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi saya. Apabila kita ada satu penukaran lokasi dan kerajaan akhirnya membuat mengambil keputusan untuk mengikut cadangan daripada YTL. *There's supposed to have something that is really interesting or tetap menarik for the government to actually take into account and* tadi Dato' Saiful ada *mentioned* berkenaan dengan YTL ada cadangan untuk membuat *resort* di Pulau Mentagor? So, *I think details* itu pihak PAC kena diberikan satu salinanlah apakah cadangan dan sama ada cadangan itu telah pun ditunaikan. Jika tidak ditunaikan, *so what is the next recourse. Thank you.*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Okay. Noted Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Prosiding. Keterangan yang lalu MOT ada beritahu bahawa mana-mana marina awam yang tidak beroperasi ini dicadangkan untuk diswastakan. *Is there any kertas kerja or anything* sampai kepada EPU pada ketika ini?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Setakat ini, tidak ada. Akan tetapi, selalunya kalau kertas cadangan penswastakan dia akan pergi kepada pihak UKAS, JPM.

**Tuan Wong Chen:** *Just*— satu poin yang akhir. Ia memang penting kita dapatkan satu perjanjian di antara YTL dengan siapa yang punya Pulau Mentagor inilah. Sebab kita sudah habis 25 juta. Kontrak dah bagi pada YTL. Dia sudah bina marina tetapi dia tidak bina pun *resort* dia. Makna, kita— *we lost out. Dua-dua governments have lost out.* Perkara kebiasaannya, kalau kita buat marina macam ini, sekurang-kurangnya YTL kena *under take-lah* untuk buat projek. Kalau tidak dia *abandon half way, it is just wrong. [Ketawa] It's just wrong.*

Jadi, kalau boleh kita mintalah EPU ataupun *Prime's Minister Department or whoever is in charge* untuk cuba mendapatkan satu gambaran ataupun yang jelas dan juga kontrak-kontrak yang berkaitan sama ada selepas kita dah bina 25 juta ini— marina 25 juta ini sama ada YTL ada atau tidak tanggungjawab ataupun satu *legal undertaking* untuk menyelesaikan atau membina *resort* di kawasan yang sama. Dia bukan— Pangkor Laut ini pulau yang lain tahu? Mentagor ini, lain. Dia dekat dengan Pulau Pangkor. Okey. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh:** *So, I think* EPU sila dapatkan *ownership of* Pulau Mentagor sebelum perjanjian— *I mean* sebelum pembinaan dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi?

**Tuan Wong Kah Woh:** Dato' Saiful.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ya, saya.

**Tuan Wong Kah Woh:** Berkenaan dengan lokasi asal yang dicadangkan oleh JLM sama ada kita ada— sememangnya lokasi telah— sama ada sebarang lokasi benar di-*identify*-kan atau tidak? Iaitu yang mula-mula itu. Sebelum diluluskan untuk dibina di Pulau Mentagor.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ada, berdasarkan cadangan daripada pihak JLM ada 19 lokasi. Cuma, diluluskan 11 sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *What is the EPU plan, semua yang tidak beroperasi? What is your masa depan? Selain hendak swastakan tetapi belum ada kertas kerja. For the time being, sama ada you are going to allocate some money to maintain it* atau pun macam mana? Kalau tidak ia akan *deteriorate further* itu.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ya. Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Macam saya kata tadi *is now* dia di bawah JLM di bawah Kementerian Pengangkutan. Di Kementerian Pengangkutan yang patutnya mencadangkan hala tuju marina-marina yang tidak beroperasi ini dan macam tadi saya maklumkan kalau *maintenance* itu kementerian kena mohon daripada MOF lah bajet pengurusan dia. EPU bajet permohonan tidak *cover maintenance cost*.

**Tuan Pengerusi:** *You think* selepas syarat-syarat baharu yang dikemukakan, dikuatkuasakan tidak akan berulang masalah seperti yang berlaku dalam pembinaan marina awam ini— *with the new syarat-syarat you're talking about. Syarat baharu. Kaedah baharu. Terutama dasar-dasar kerajaan yang dibuat tentu sekali you need further study, thorough study* sebelum dilaksanakan. Maknanya dengan adanya *guidelines* yang baharu isu seperti ini tidak akan berulang di masa hadapan.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi itulah pengharapan EPU MEA sebenarnya. Setiap projek-projek dan program-program pembangunan yang dimohon oleh kesemua kementerian atau agensi hendaklah kita dipastikan mencapai objektifnya. Akan tetapi saya tidak nafikan juga bahawa memang sampai sekarang pun ada juga projek-projek yang terbengkalai. Kalau projek-projek yang dah siap, biasanya kalau menghadapi masalah isu yang sama seperti ini macam saya kata tadilah, itu mungkin disebabkan kurangnya tindakan promosi misalnya macam itu. Akan tetapi, berdasarkan kepada projek-projek Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Kesebelas ini kalau saya rasa— kalau jeti memang tidak adalah. Kalau projek-projek

bangunan lain, tidak ada masalah saya rasa setakat ini. Cuma, masalah sekarang ialah projek-projek lewat jadual dan projek-projek terbengkalai sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Lewat jadual dan terbengkalai itu dia aspek yang lain. Akan tetapi kalau ini siap, tidak boleh guna, tidak ada *takers and all those*, dia lebih mencabarlah masalah dia. Okey, *next*? Ada lagi soalan? Kalau tidak kita panggil taklimat yang seterusnya. Penerangan penjelasan yang seterusnya.

**Dato' Abdul Razak bin Jaafar [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC, Datuk, Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian terima kasih kerana memberi peluang kepada Kementerian Kerja Raya khususnya agensi di bawah Kementerian Kerja Raya adalah Jabatan Kerja Raya. Dia ada agensi teknikal yang melaksanakan *this project*. Kalau kementerian ini, saya rasa tidak ada secara langsung dari segi berkaitannya. Cuma, JKR adalah agensi yang melaksanakan *this project*. Ada dibangkitkan dalam *this finding*, Laporan Ketua Audit Negara ini tentang— saya rasa ada satu perkara pihak JKR akan *explain* sebentar nanti dari segi *design* yang tidak menepati dan sebagainya. Ini ada penjelasan yang akan dikemukakan oleh pihak JKR.

Jadi, saya juga ambil kesempatan untuk menyampaikan salam daripada KSU yang mana sepatutnya KSU saya yang hadir pada petang ini. Beliau minta maaf kerana ada *preparations* untuk sesi penggulungan peringkat kementerian dengan Menteri. *Because we got a new Minister, we have to brief the Minister* cara-cara untuk menjawab semasa penggulungan hari Khamis ini.

**Tuan Pengerusi:** Salam kembali. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Abdul Razak bin Jaafar:** Beliau minta maaf Yang Berhormat. Jadi, untuk yang penjelasan ini saya rasa saya serah kepada pihak JKR untuk memberi taklimat. Terima kasih.

■1510

**Ir. Haji Mohamed Amin bin Kasim [Pengarah (Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan), Jabatan Kerja Raya]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Saya Ir. Mohamed Amin bin Kasim, Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan JKR akan memberi ulasan di atas isu yang ditimbulkan tadi oleh Dato' Razak.

So, untuk pengenalan— saya mulakan. Jabatan Laut Malaysia telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana untuk menyiapkan dua daripada 11 projek marina awam di bawah RMKe-8 dan RMKe-9. Di mana di sini pihak JKR terlibat untuk menyiapkan Marina Melaka dan Marina Kuching, Sarawak.

Isu yang dibangkitkan berkaitan dengan JKR di dalam Laporan Ketua Audit Negara 1/2017 adalah bagi Marina Melaka sahaja. Manakala, untuk isu Marina Kuching, ia tidak berkaitan dengan pihak JKR.

So, ini adalah keadaan di tapak semasa kita siapkan projek untuk Marina Melaka. [Merujuk kepada slaid] Di mana kita siapkan *breakwater*— sekejap lagi saya akan tunjukkan *all these structures*. Begitu juga dengan ponton dan juga kompleks pengurusan Marina Melaka.

So, ini adalah maklumat projek. [Merujuk kepada slaid] Di mana pelanggan kita adalah Kementerian Pengangkutan. *End user* di sini adalah Jabatan Laut Malaysia. Kami, JKR Malaysia adalah agensi pelaksana. Pengurus Program dan Pegawai Penguasa (SO) untuk projek ini adalah Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan. Masa itu dikenali sebagai Cawangan Pangkalan Udara dan Maritim. Kita sudah *transform* kepada CKIP.

Kaedah pelaksanaan kontrak adalah kaedah reka dan bina (*design and build*) secara *direct-nego*, rundingan terus. Di mana kontraktor yang dilantik adalah MRCB. Harga kontrak adalah RM28.9 juta. Tarikh milik tapak adalah pada 28 Januari 2008 dan projek ini telah diberikan Perakuan Siap Kerja pada 5 Mei 2009. Tarikh siap baiki kecacatan di mana kita keluarkan *certificate of making good defects (CMGD)* pada 11 Ogos 2011 dan bayaran muktamad diselesaikan pada 21 November 2011.

So, ini adalah keadaan di Marina Melaka. [Merujuk kepada slaid] Sebelum saya *proceed* saya hendak tunjukkanlah di sini apakah dia pemecah ombak yang menjadi isu kita pada hari ini dan kompleks marina, begitu juga dengan TNB *substation* yang kita siapkan untuk projek ini.

So, ini adalah gambar yang lebih dekat untuk menunjukkan *gangway* iaitu penghubung ke ponton. [Merujuk kepada slaid] di mana kapal-kapal akan diletakkan (*berthing*) di situ. Kita reka bentuk untuk 40 kapal yang bersaiz 12 meter hingga 35 meter panjang dan boleh *allow for future expansion*.

Penemuan audit. [Merujuk kepada slaid] So, ini adalah isunya di mana dinyatakan, tapak lokasi marina hendaklah ideal untuk marina di mana ia hendaklah mempunyai lembangan yang tenang dan kedalaman yang sesuai untuk memastikan ia sesuai untuk pendaratan kapal dengan selamat. Bagi lokasi yang berada di kawasan berombak seperti di Melaka ini atau arus sungai yang kuat, struktur pemecah ombak atau *breakwater* yang saya tunjukkan tadi, hendaklah dibina untuk memastikan ombak kuat tidak memasuki lembangan marina.

Lawatan audit di Marina Melaka pada 24 Julai 2017 telah mendapati berlaku kerosakan pada struktur pemecah ombak akibat dari kelemahan reka bentuk. Lawatan ini dilaksanakan lebih kurang enam tahun selepas kita keluarkan CMGD. Jadi ulasan JKR di sini

adalah sebenarnya ia tidak ada isu dengan reka bentuk. Reka bentuk pemecah ombak telah dibuat mengikut keperluan yang telah ditetapkan.

So, ini adalah tindakan susulan yang diambil oleh JKR. *[Merujuk kepada slaid]* Di mana perakuan siap kerja untuk projek ini telah dikeluarkan pada 5 Mei 2009. Pada 12 Mei 2009 ada pemeriksaan dalam tempoh kecacatan di mana selepas siap kita ada tempoh kecacatan selama dua tahun. So, di dalam tempoh ini ada lawatan oleh pihak Jabatan Laut Malaysia, JKR dan juga kontraktor telah dibuat. *End user* kita telah membangkitkan isu ruang antara *spun pile* pada pemecah ombak melebihi 100 mm di mana *spacing* ataupun *clear spacing* antara setiap cerucuk itu adalah melebihi 100 mm. *Allowance* dalam kontrak kita adalah 100 mm.

So, seterusnya daripada 6 Mei 2009 hingga 5 Mei 2011, adalah tempoh kecacatan kita di mana kontraktor telah— lanjutan daripada kerosakan yang dilaporkan tadi, pihak kontraktor telah melaksanakan pembaikan di mana di sini pihak perunding telah mengesyorkan reka bentuk untuk menggunakan paip UPVC yang diisi dengan konkrit (*concrete filled UPVC pipes*) untuk mengisi ruang antara *spun pile* yang ada jarak tadi dengan kos ditanggung oleh pihak kontraktor disebabkan ia berlaku dalam tempoh kecacatan lagi. Tempoh siap baiki kecacatan adalah tamat pada 5 Mei 2011.

Seterusnya kita melaksanakan pemeriksaan pada 11 Ogos 2011 di mana perakuan siap baiki kecacatan atau CMGD dikeluarkan kepada kontraktor. Pihak pelanggan Jabatan Laut Malaysia perlu membuat pemantauan dan penyelenggaraan selepas tarikh ini di mana tempoh kecacatan telah tamat dan pihak pelanggan kita, Jabatan Laut Malaysia perlu menyelenggarakan *facility* ini.

Pada 20 Oktober 2011, satu lawatan bersama telah dilaksanakan di antara pihak JKR, pihak kontraktor, Jabatan Laut Malaysia dan juga *consultant* di mana kita telah mengeluarkan pengesahan kerja-kerja pembaikan untuk penutupan *gap breakwater* tadi telah dikeluarkan kepada kontraktor. Ini bermakna kita telah sama-sama menyetujui bahawa ruang tadi telah pun ditutup dengan UPVC paip yang saya nyatakan tadi.

Selepas itu hampir enam tahun selepas itu lawatan audit ke Marina Melaka telah dilaksanakan dan mendapati paip UPVC bagi menutup ruang di antara *spun pile* tersebut telah tercabut. Kalau kita tengok di sini hampir enam tahun selepas kita keluarkan CMGD. So, sepatutnya ada *maintenance* dilaksanakan oleh *end user*.

So, inilah gambar pada 24 Julai 2017 yang menunjukkan ada berlaku, paip UPVC tadi telah tidak dipastikan berada di tempat itu di atas kegagalan menyelenggarakan *facility* ini. *[Merujuk kepada slaid]* Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Wong Chen:** Haji Amin.

**Ir. Haji Mohamed Amin bin Kasim:** Saya.

**Tuan Wong Chen:** Saya mempunyai beberapa soalan. Pertama, apabila kita memberi kontrak secara rundingan terus, MRCB ini pernah buat kah jeti macam ini ataupun marina macam ini? Itu soalan pertama.

■1520

Kedua, ini bukan buat rumah, ini buat marina, okey. Jadi maknanya, sekurang-kurangnya struktur ia kena tahanlah 20 tahun ke 30 tahun. *You cannot apply two-year defect liability period*, betul tidak? Jadi, saya hendak tahu, pemecah ombak ini sepatutnya *last for how long*, untuk berapa lama?

Kedua, saya hendak tahu pada tahun 2011, bila terdapat kerja pembaikan, berapakah kos yang telah ditanggung oleh JKR ataupun kerajaan untuk pembaikan kos itu. Selepas enam tahun, tercabut pula. Apakah kos yang baharu kalau kita hendak memperbetulkan marina tersebut?

Soalan terakhir saya, berapa orang sebenarnya guna pakai marina ini? Mungkin JKR tidak tahulah tetapi siapa yang menjaga operasi ini, *I want to know how many yachts actually berth here?* Apakah pulangan untuk meneruskan marina ini? Terima kasih.

**Ir. Haji Mohamed Amin bin Kasim:** Okey, soalan pertama daripada Yang Berhormat Subang. MRCB adalah satu kontraktor pada sayalah, berpengalaman. *I don't have a record whether they have experience on this job or not. So, saya tidak boleh elaborate on that.* Dari segi *two years defects, which is normal* untuk *design and build contract*, JKR. Saya rasa di luar pun sama, di mana memang dinyatakan di dalam *condition of contract* kita adalah dua tahun *defects*. Dari segi *long lastingness, from my experience, if I may comment, it has to last for 20-25 years, 25 years for civil works*. Dari segi kos baiki tadi saya pun tidak ada rekod, Yang Berhormat dan juga dari segi penggunaan, *I cannot comment on that.*

**Tuan Wong Chen:** *Thank you. But, can you tell us* dalam *opinion* JKR, kerosakan ataupun *defect* dalam pemecah ombak ini, *is it a big structural thing or is it just a minor issue? Then we can talk about whether it is supposed to last 25 years or is it a defect only that is for a year period. What is your opinion about this, JKR's opinion? Is it an important thing to put this spun pile or is it just a minor defect issue?*

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman [Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra), Jabatan Kerja Raya]:** Boleh Tuan Pengerusi? Cuba menjawab. Yang Berhormat, *actually* kita *back* balik pada *principle* bila kita membuat marina ini. *Of course*, perkara ini saya rasa kita telah— semasa *this planning* dan hasrat untuk marina ini dibuat dekat muara itu paling tidak sesuai langsung. Perkara ini kita telah bentangkan pada Exco Negeri Melaka pada masa itu tetapi *they are still adamant* yang kata marina itu perlu dibuat di situ. Kita *in the first place* kalau boleh hendak buat dalam lagi tetapi *with the capacity of 40 berths*, kita akan *block the whole* Sungai Melaka, so terpaksa buat dekat situ juga.

So, *this breakwater in the first place is to protect wave* yang datang dari luar. So, ia ada dua *option* pada masa itu sama ada kita hendak buat dengan batu ataupun dengan *soldier pile*. So, batu itu *it will incur extra cost, because* pada tempat itu adalah *clay*. Bila kita *dump this* batu, ia akan masuk *three or four meters easily and then*, ia akan buat macam piramid. *That will be very costly*. So, itu sebab kita buat *soldier pile*. Hendak buat *soldier pile* di tempat itu yang cetek, untuk *barge* masuk, untuk buat *piling is quite difficult*. So, itu sebab kita kata kita akan *monitor this soldier pile*, dalam ia punya *piling*. Akan tetapi terdapat tempat-tempat yang kita tidak dapat mencapai *tolerance* yang kita hendak. So untuk menguji itu, kita kena tunggu musim tengkujuh, baru datang *wave* yang besar, yang masuk di dalam *basin*, yang dalam piawaian yang kita pakai, tidak boleh daripada 300 milimeter *wave*, barulah marina itu dalam keadaan yang stabil.

Akan tetapi apabila kita buat macam itu, pada yang kita sedar, *of course gap-gap* ini kita tidak tahu, tidak ada *simulation*. Berapa banyak bila *wave* itu hentam pada *pile* itu, berapa banyak yang masuk. So itu kita tidak boleh hendak buat satu kajian pada masa itu. So, kita beranggapan lubang-lubang yang lebih daripada 100 milimeter itu kita tutup dengan UPVC, *then it seems to be working*. Akan tetapi perkara ini kita perlu jelaskan, perlu diadakan *maintenance* secara berkala. *Structure itself, pile* itu *is not an issue, can last 25 years*. Akan tetapi 25 years pun kita beranggapan *as it goes along the line, barnacles* akan tumbuh, yang kerang-kerang dekat situ, *then* ia akan tutup pada tempat itu tetapi *it's very slow*. Kita beranggapan benda itu jatuh sebab *wave* yang datang itu terlampau besar. Itu sebab kita kata tempat itu memang tidak boleh membuat marina.

Kalau kita tengok kajian di seluruh dunia pun tidak ada orang yang buat marina macam kita buat ini. Semuanya dalam *lagoon, protected areas* dan sebagainya. Akan tetapi boleh tetapi risikonya sangat tinggi, so ini yang kita hadapi selepas itu. Untuk menjawab Yang Berhormat punya soalan, adakah orang menggunakan. Pada pemerhatian saya pada masa itu ada tetapi tidak sebanyak yang macam mana kita kehendakilah. Itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Bina *as a whole*lah, ia lebih kepada perancangan, kecuali yang di— umpamanya *very glaring* dan *obvious*, Kuala Kedah yang langsung tidak boleh guna, fasal cetek. *So, that one shouldn't take off actually*. Sudah tahu sungai cetek, hendak buat marina. *That one should not take off, ia no go in the first place actually*, kalau betul-betul kajian dibuat lah. Akan tetapi *I agree with the JKR and KKR that structural design and all those* tidak ada isu, *but the* kesesuaian tapak, pembinaan tapak itu merupakan isu yang besar.

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman:** Tuan Pengerusi, isu ombak masuk itu adalah salah satu isu. Akan tetapi *siltation rate* yang berlaku dekat situ terlampau cepat oleh sebab pembangunan di-*upstream* itu tidak dikawal. Bila tidak dikawal, dia orang buat

*reclamation* itu, semua *debris* ini akan masuk situ. Itu sebab kita kata ada satu kontrak yang terpaksa buat *this dredging* setiap bulan untuk membuat *channel* di mana kapal itu hendak masuk. *Basin* sahaja dalam tidak guna kalau *channel* yang ada, hendak masuk itu tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** Macam ombak pun tidak cukup.

**Dato' Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman:** Tidak cukup. Jadi, kita berharap dalam forum ke arah menuju satu kaedah baharu, dalam kita selalu belajar *management*, *please* kita *pay attention 80 percent of our time to do planning instead of 20 percent* selepas itu. Kalau kita buat *80 percent of* daripada *planning*, *20 percent of the problem* datang kemudian. Kalau kita *spend 20 percent* daripada *planning*, *80 percent of the problem* datang kemudian. So, kita pilihlah mana satu kita hendak.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tuan Pengerusi, izinkan...

**Tuan Pengerusi:** Ya. Yang Berhormat Tebrau *is an accountant*.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ini tidak ada kaitan dengan *accountancy*-lah.

[Ketawa]

**Seorang Ahli:** Cakap fasal duit.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Fasal duit ya. Tidak, saya lebih tumpu kepada *cost and effect*-lah. Kemungkinan dua-dua berkaitan sebab soalan saya. Projek ini gagal sudah agak lama. Jadi boleh mana pihak Ketua Setiausaha kah atau JKR. Apa sebabnya projek ini gagal? Ia nampak ada gagal daripada permulaan. Jadi, adakah kerana marina *park* ini ia memang tidak sesuai dari segi teknikal atau ia dalam segi memang tidak ada satu *feasibility study* yang dibuat dengan baik yang jadi punca kegagalan projek ini?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen:** Terima kasih Yang Berhormat. Macam saya maklumkan tadilah, sebenarnya apabila kita tengok ada di beberapa lokasi ada masalah kecacatan seperti Yang Berhormat kata dan juga masalah ombak apa semua, memang kalau daripada mula pun tidak sesuai. Akan tetapi kita hendak bina, kerajaan negeri hendak bina juga di situ, macam pihak JKR, macam itu— bukan tidak boleh bina. Boleh bina tetapi bergantung kepada *design*, bergantung kepada *technicality* itu supaya boleh menangani isu-isu di tempat tersebut. Kalau cetek, macam mana. Tadi ada cakap bukan setakat cetek, ia punya *soil type*, ia itu *clay*-lah, kena yang mana sesuai. So, maknanya *design-design* tersebut perlu mengambil kira benda tersebut. Itu satu.

#### ■1530

Kalau— yang saya kata tadi pun beberapa kajian kemungkinan ada jenis-jenis dia termasuk analisis teknikal apa semua, kalau benda-benda tersebut tidak dibuat, satu, kita tidak ada maklumat hendak— macam sekarang ada *soil investigation* pun ada, ada *clay*. Kalau kita tidak buat, kita tidak tahu dan mungkin kita buat yang pakai batu macam kita kata yang tidak sesuai. Kalau dibuat pun, tetapi kalau kita kata *based on natural factor*, kita kata ombak ini *natural factor* kita kata, dia mungkin mempercepatkan dia punya... [Disampuk]

Bukan *defect*. Dia punya kita... [*Disampuk*] *Siltation* satu, tetapi *on structure* itu sendiri mungkin— macam kita buat kalau struktur besi tepi laut, air masin, dia cepat berkarat. Dia menyebabkan dia apa itu— So, benda-benda macam itu yang projek itu yang saya kata perlukan kajian kemungkinan yang bersesuaianlah.

**Tuan Pengerusi:** Selalunya JKR, KKR— JKR, *they are very particular about soil, test, soil analysis*. Saya ada projek di kawasan saya yang *RM19 million* dan sebagainya. *It'll take quite some time* untuk disediakan BQ *because of the soil analysis that used few consultants* di Sabah dan *everybody engaged* dengan kerja. So, kadang-kadang sampai setahun untuk sediakan BQ. Maknanya *there is a thorough test and analysis by JKR*. *But this marina project*, ini macam semua agensi hendak cepat. *Is that because the Prime Minister wants it to be implemented? Is that the reason? It is because I nampak macam you bypass a lot of things you know. Bypass a lot of things. Just want to make sure that it was implemented because the Prime Minister put that in his budget that dia hendak attract kapal-kapal layar* sehingga beberapa proses analisis yang selalunya dibuat oleh agensi pelaksana seperti EPU dan agensi lain di-bypass untuk projek marina ini. *Is that the reason because it is a pet project by the then Prime Minister* sehingga terlepas pandang banyak perkara? Sehingga *soil test* tidak dibuat, *siltation problem* tidak disentuh, duit cepat masuk dan dilaksanakan...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Tuan Pengerusi, boleh saya tambah...

**Tuan Pengerusi:** *Is that— No, I want the answer for that question*. Adakah itu sebabnya *because it comes from the Prime Minister that you need to implement it as fast as possible?*

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kronologi dia, arahan Kabinet tahun 2000, projek marina yang kalau kita boleh tengok yang pertama yang siap pun tahun 2003. Tadi saya tengok tempoh membina marina itu setahun, maknanya dia bermula tahun 2002. Maknanya daripada arahan Kabinet tahun 2000 itu, dua tahun. Sepatutnya kementerian pelaksana...

**Tuan Pengerusi:** Normalkah itu?

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Ya. Marina saya tidak pasti, tetapi kalau macam projek fizikal lain, saya rasa kalau macam hospital itu, dia akan masuk tapak tahun ketigalah kita katakan. So, dua tahun ke tiga tahun. Marina saya tidak pasti. Akan tetapi ada dua tahun, sepatutnya cukup untuk perancanganlah. Akan tetapi *bypassing technical requirement*, saya tidak pasti. Itu mungkin JKR boleh ini— tetapi kita macam yang saya kata tadi, kalau hendak kata *bypassing*— kalau sekaranglah, *bypassing the Value Management, Value Engineering*, tetapi dahulunya tidak ada. Sekarang ini kalau benda itu *bypassing Value Management, Value Engineering* di peringkat perancangan dan kita akan tahulah.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Okey. Ini adalah soalan susulan dari Tuan Pengerusi. Walaupun ini projek diluluskan di Kabinet, tetapi dia kita kata konsep atau idea ini

mesti datang dari— Siapa yang cadang kepada Kabinet yang boleh sampai kita kata *feasibility study* semua yang kita selama ini dalam kita punya prosiding yang kita dengar, tidak dilakukan dengan baik. Jadi, siapa yang mencadangkan kepada Kabinet? Kita hendak tahu.

**Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussien:** Yang Berhormat, saya boleh jawab. Kita pun tidak tahulah sebenarnya. Kalau pihak EPU ambil pun kita tidak tahu, mungkin— tetapi dalam perancangan projek pembangunan ini, *it can come from bottom-up or top-down*. Kadang-kadang itu mungkin, *my experience* saya kata, kadang-kadang mungkin ada idea dari *private sector*, mungkin masa itu dia bentang secara persendirian dalam mana-mana pembentangan kepada Perdana Menteri atau apa. Memang ada macam saya kata tadi, keputusan itu *top-down*, arahan daripada— tetapi arahan itu bukan arahan projek. Arahan tentang marina *development as a whole*. Selalunya macam itulah. Ada, memang ada *from top-down* pun.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Hanya Perdana Menteri yang pada ketika itu yang tahulah siapa yang mencadangkan, yang sudah jadi Perdana Menteri sekarang. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** *You are not suggesting we call the PM? (expunge)*

*[Ketawa]*

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon:** Ini bergantung kepada... *(expunge)*

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi, tadi saya dengar Dato' Meor ada sebut, ada peringatan diberikan kepada Kerajaan Melaka tentang ketidaksesuaian tempat itu. Sudah tentu pembentangan itu dilakukan secara profesional, kan? Ini sebab kami menganggap JKR adalah merupakan pakar dalam bidang ini. So, respons daripada Kerajaan Melaka itu bila kita sudah bagi *warning* tidak sesuai, pihak Kerajaan Melaka yang membuat keputusan untuk meneruskan selepas diberikan itu. *You* bentang kepada *exco* ataupun kepada...

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kepada *exco* yang melibatkan...

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Okey. Kalau ikut di sini, dia siap tahun 2009. Makna tadi kita kata *start* yang untuk Melaka *start* tahun bila?

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Kasim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Oh, *two years before that*.

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman:** Tahun 2008.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Tahun 2008. Cuma saya tidak pasti, status terkini maknanya beroperasi. Maknanya masih beroperasi sekarang ini walaupun— apa maksud status marina terkini, kemudian beroperasi? Masih digunalah maknanya?

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman:** Benda itu boleh di-*salvage* kalau mereka *do the maintenance* dan *plug* balik semula lubang itu, *then it can be.. reusable*.

**Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus:** Oh!

**Dato' Dr. Ir. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman:** Akan tetapi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, *please* hendak *divert* sedikit. Kita tidak ada *bypass* isu-isu SI. Dalam laut pun kita buat, atas darat pun kita buat. Hanya yang bangkitkan kalau boleh— Tidak tiap-tiap hari kita buat *this* marina, jadi orang yang mahir dalam bab marina pun tidak ada dalam Malaysia ini pun, *even* seorang. Macam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, mengapa kita pilih MRCB boleh, sebab ada satu bangunan di situ yang dia boleh buat. Lain dalam *marine*, dia kena sub kepada sesiapa pakar yang boleh buat.

Akan tetapi saya sebelum itu hendak menekankan Tuan Pengerusi, kalau boleh kita ini jangan hanya boleh membuat *asset creation* sahaja dan kita selalu melupakan *this asset maintenance* yang selalu berlaku dalam negara kita. Sebagai contoh, jalan. Itulah sebagai *benchmarking* kita. Kita selalu boleh buat, tetapi tidak boleh hendak *maintain*. Itu yang kita hadapi sekarang ini. Serupa juga dengan marina.

**Tuan Pengerusi:** KSU MOT sudah beritahu dengan kita, *they don't have money*. Selepas itu, *collection* dia pun *very minimal*. So, memang *maintenance aspect* itu. *I agree with you*.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih banyak-banyak Ketua Setiausaha EPU, Timbalan Ketua Setiausaha KKR, Timbalan Ketua Pengarah JKR, semua warga JKR dan EPU yang memberi kerjasama dan penjelasan kepada PAC. Saya yakin keterangan dan *discussion*, perbincangan kita ini akan membantu PAC untuk merumus satu cadangan kepada Parlimen selepas kerja-kerja *housekeeping* dibuat. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih bagi pihak PAC dan semua. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.40 petang]***